

05/12/1999

Masyarakat Cina perlu bersatu

SIAPAKAH 'broker kuasa' yang dikatakan cuba memecahbelahkan Gerakan dan mencemar peribadi serta keupayaan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon? Persoalan itu timbul selepas mendengar ulasan Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik kelmarin, berikutan keputusan dua Ahli Dewan Undangan (DUN) Gerakan keluar parti. Jika dilihat senario politik parti komponen BN yang menerajui Pulau Pinang, bibit-bibit perpecahan mula dilihat Mei lalu, apabila Naib Presidennya, Dr Goh Cheng Teik mencabar Koh untuk jawatan Pengerusi Gerakan negeri itu. Pelbagai pihak menuduh golongan veteran parti menggunakan Dr Goh untuk mengajar Koh yang dikatakan enggan memberi layanan 'istimewa' kepada ahli lama. Koh yang dikenali sebagai pemimpin bersih dan tegas secara terbuka mengakui hubungannya dengan golongan veteran menjadi keruh kerana tidak melayan beberapa 'permintaan' mereka. Kesannya, pengasas parti seperti Datuk Tan Gim Hwa, Datuk Lim Ee Heong secara terbuka berkempen memalukan Koh dengan melabelkannya sebagai kucing, manakala Dr Goh sebagai harimau. Alasan mereka Koh seorang pemimpin lemah dan terlalu berlembut dengan Umno.

Malah, nama bekas Ketua Menteri, Tun Dr Lim Chong Eu juga diheretkan dalam pertikaian itu kerana anaknya, Lim Chien Aun dilihat secara terbuka menyokong Dr Goh ketika itu. Begitu juga anak Ee Heong, Lim Boo Chang. Kini kedua-dua anak veteran itu mengisytiharkan keluar parti. Semua sepatutnya berakhir apabila Koh mengalahkan Dr Goh dengan mudah. Malangnya, luka lama berdarah semula apabila Gerakan menggugurkan Dr Goh daripada senarai calon mereka dalam pilihan raya umum lalu. Dr Goh adalah veteran bagi enam pilihan raya umum, menang lima kali sebagai Ahli Parlimen Nibong Tebal dan sekali sebagai Adun Sungai Bakap. Keputusan parti itu menyebabkan kedua-dua orang kuat Dr Goh - Chien Aun dan Boo Chang mengambil keputusan mengejut keluar parti, diikuti ketua mereka sendiri sehari kemudian.

Satu lagi pihak yang didakwa menjadi penyebab Gerakan bergolak ialah MCA. Keputusan Chien Aun dan Boo Chang menyertai MCA seolah-olah mengesahkan spekulasi MCA berminat jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang. Malah, Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dilaporkan ke Langkawi menemui Perdana Menteri memohon agar calon MCA dilantik Ketua Menteri kerana parti itu kini mempunyai 11 Adun, berbanding lapan untuk Gerakan. Lagipun sebelum 1969, jawatan Ketua Menteri pernah dipegang calon MCA iaitu Tan Sri Wong Pow Nee, sebelum dirampas Gerakan melalui Tun Dr Lim Chong Eu. Pemerhati politik tempatan merasakan ini peluang terbaik MCA berikutan pencapaian 100 peratus di Pulau Pinang. Bagaimanapun, Dr Ling awal-awal lagi beri amaran kepada media massa jangan mengaitkan MCA dengan apa yang berlaku dalam Gerakan. Selain golongan veteran Gerakan dan MCA, masyarakat Cina Pulau Pinang umum beranggapan broker kuasa yang dimaksudkan Kheng Yaik ialah bekas Naib Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Tan Sri Tan Kok Pin yang juga Presiden Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang. Malah media massa pernah melaporkan Kok Pin yang juga Pengarah Eksekutif Kumpulan Berjaya jelas berkempen menentang Koh, Mei lalu. Kenyataan Kok Pin kelmarin agar Koh digantikan, barangkali boleh mengesahkan beliau terbabit menimbulkan pergolakan dalam parti itu sekarang.

Siapapun broker kuasa yang dikatakan cuba memecahbelahkan Gerakan Pulau Pinang, ia pasti boleh menggugat perpaduan masyarakat Cina Pulau Pinang selepas mereka menolak DAP dan menyokong BN pada pilihan raya lalu. Kita bimbang, lobi-melobi jawatan Ketua Menteri antara Gerakan dan MCA akan

memberi kesempatan kepada DAP menguatkan semula pengaruhnya di Pulau Pinang. Alasan tiga pemimpin Gerakan yang keluar parti bahawa Koh lemah dan Pulau Pinang tidak maju, agak sukar diterima. Prestasi ekonomi negeri itu menunjukkan pencapaian memberangsangkan sejak Koh menjadi Ketua Menteri pada 1990 dan pelbagai pembangunan untuk masyarakat Cina berjaya dilaksanakan. Malah, pertumbuhan 10 hingga 12 peratus sejak 1990 hingga 1997 berjaya menyamai pencapaian peringkat nasional. Sektor perindustrian terus menjadi nadi kepada ekonomi negeri dan keupayaan Koh menarik pelaburan baru bernilai RM4 bilion antara Januari dan Mei tahun ini dilihat luar biasa dalam keadaan ekonomi yang gawat. Rakyat berharap pertelagahan diselesaikan secara baik. Siapa pun menerajui Pulau Pinang, masyarakat Cina mesti memberi sokongan padu. Untuk kesejahteraan rakyat, parti komponen dalam BN tidak boleh bertelagah. Koh sudah menerima surat pelantikan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam. Beliau mesti diberi kepercayaan sepenuhnya untuk terus menerajui Pulau Pinang.

(END)